

25 JUN 2002

MAYBANK-PERALIHAN/I

PERALIHAN KUASA DIRANCANG DENGAN BAIK, KATA AMIRSHAM

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Peralihan kepimpinan dalam kerajaan, yang akan menyaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memindahkan kuasanya secara beransur-ansur sehingga akhir tahun 2003, telah dirancang dengan baik, kata pengarah urusan Malayan Banking Bhd, Datuk Amirsham A Aziz, hari ini.

"Peralihan ini seharusnya disambut baik oleh orang ramai dan masyarakat perniagaan, serta tidak seharusnya mencetuskan reaksi yang berlebihan daripada mana-mana pihak," katanya dalam satu kenyataan sebagai reaksinya kepada pengumuman bahawa Dr Mahathir akan mengekalkan jawatan Perdana Menteri sehingga bulan Oktober, 2003 dan selepas itu, timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, akan mengambil alih teraju negara.

Tambahan pula, kata Amirsham, dasar-dasar ekonomi yang dibuat oleh Perdana Menteri dan kerajaannya pada keseluruhannya adalah kukuh dan dasar-dasar ini akan terus memastikan Malaysia berubah menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Katanya, peralihan yang licin itu tidak akan mengancam atau membawa kesan buruk kepada ekonomi negara kerana kepimpinan yang ada sekarang berupaya mentadbir negara dengan baik.

Di samping itu, Dr Mahathir akan terus memberikan sokongan yang perlu kepada pemimpin-pemimpin baru negara, tegasnya. -- BERNAMA

MR SHY KY OS